

03/03/2004

40 kerusi jadi tumpuan utama

KUALA LUMPUR: Sekurang-kurangnya 23 kawasan Parlimen dan 17 Dewan Undangan Negeri (DUN) akan menjadi tumpuan pada pilihan raya umum ke-11 ini kerana bukan saja ditandingi pemimpin tertinggi parti, malah dijangka menghadapi persaingan sengit.

Di PULAU PINANG, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pasti menjadi tumpuan kerana pertama kali mempertahankan kerusi Parlimen Kepala Batas selepas dilantik sebagai Perdana Menteri kelima pada 31 Oktober 2003.

Beliau yang memenangi kerusi itu sejak pilihan raya 1978, tidak akan menghadapi masalah mempertahankan kerusi itu walaupun dikatakan dicabar pemimpin kanan pembangkang.

Kerusi Parlimen Permatang Pauh yang kini diwakili Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, juga menjadi tumpuan kerana beberapa nama termasuk Imam Besar Masjid Negara, Datuk Firdaus Ismail dan Ketua Penaja Umno Permatang Pauh, Datuk Abdul Jalil Majid, disebut-sebut dicalonkan BN untuk merampas semula kerusi itu.

Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh pula dikatakan berhasrat merampas kembali kerusi Parlimen Jelutong setelah tewas mengejut dengan majoriti 775 undi kepada tokoh muda Gerakan, Lee Kah Choon pada 1999.

Sementara itu, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang dilaporkan akan beralih angin ke kawasan Parlimen Ipoh Timur manakala Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dijangka kekal mempertahankan DUN Tanjung Bunga.

Di PAHANG, kawasan Parlimen Pekan yang disandang Datuk Seri Najib Razak pula menarik perhatian apabila Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor, menyatakan hasrat untuk menentang Timbalan Perdana Menteri di situ.

Di WILAYAH PERSEKUTUAN, kawasan yang disifatkan menarik termasuk di Parlimen Lembah Pantai berdasarkan cakap-cakap bahawa Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sekiranya kekal bertanding di situ, akan ditentang anak sulung Datuk Seri Anwar Ibrahim, Nurul Izzah (Keadilan).

Putrajaya, kawasan Parlimen baru juga mendapat perhatian kerana menjadi pusat pentadbiran negara. Antara nama yang disebut-sebut bakal dicalonkan BN termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, manakala pembangkang dikatakan akan meletakkan Timbalan Ketua Dewan Muslimat Pas, Dr Lo' Lo' Mohd Ghazali atau calon daripada Keadilan.

Di PERAK, penyandang kerusi Parlimen Sungai Siput yang juga Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu dijangka ditentang aktivis sosial Dr D Jeyakumar dari Keadilan.

Dr Jeyakumar, anggota Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang belum berdaftar, pernah bertanding di Sungai Siput menggunakan lambang DAP pada pilihan raya umum 1999 tetapi dijangka 'meminjam' lambang Keadilan kali ini selepas permintaannya kepada DAP belum berjawab sehingga Ahad lalu.

Di MELAKA, kawasan yang dijangka menyaksikan pertandingan sengit termasuk Parlimen Kota Melaka dan DUN Ayer Keroh berikutan dua orang kuat DAP akan bertanding di situ.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock hampir pasti bertanding untuk mempertahankan kerusi Kota Melaka dan berkemungkinan berdepan dengan peguam, Wong Nai Chee, muka baru daripada MCA.

Pengerusi DAP negeri, Sim Tong Him pula diramal bertukar angin daripada kawasan yang dimenangnya pada pilihan raya lalu, Bandar Hilir ke Ayer Keroh untuk menentang Ahli Exco negeri, Datuk Seah Kwi Tong.

Sementara itu, Ahli Parlimen Batu Berendam, Tun Abdul Ghafar Baba, 79,

tidak disenaraikan untuk bertanding pada pilihan raya umum ini.

Menurut sumber Umno negeri, nama Ghafar tidak dimasukkan dalam senarai calon dari Umno Bahagian Tangga Batu yang dihantar ke ibu pejabat parti.

Di TERENGGANU, BN dijangka meletakkan seorang profesor pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk mencabar Hadi yang juga Menteri Besar sama ada di Parlimen Marang atau DUN Rhu Rendang.

Di NEGERI SEMBILAN, dua kawasan Parlimen - Seremban dan Rasah - serta tiga kawasan DUN iaitu Temiang, Lobak dan Mambau yang dimenangi BN pada pilihan raya umum lalu lepas dengan majoriti kecil, dijangka mendapat perhatian pada pilihan raya ini.

BN dijangka meletakkan semula Pengerusi MCA negeri yang juga Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim di Parlimen Seremban dan DAP dijangka mencalonkan Pengerusi negeri, Liew Tek Kim atau calon lama, Lee Peng Fee.

Di SABAH, kawasan DUN Bingkor yang diwakili pemimpin kontroversi, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, dijangka menjadi tumpuan pada pilihan raya kali ini kerana ada kemungkinan Dr Jeffrey, yang sememangnya mempunyai pengaruh akar-umbi di situ, bertanding atas tiket Bebas.

Ini berikutan permohonannya menyertai Umno ditolak selepas dipecat daripada Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) dua tahun lalu. Dr Jeffrey memenangi kawasan itu pada 1999 atas tiket Parti Bersatu Sabah (PBS), tetapi kemudian menyertai PBRs.

Di KEDAH, sekurang-kurangnya tujuh kawasan Parlimen menarik perhatian umum iaitu Jerlun, Baling, Jerai, Merbok, Pokok Sena, Kuala Kedah dan Kubang Pasu.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan mengosongkan kerusi Kubang Pasu, manakala Parlimen Jerlun menjadi perhatian apabila Ketua Penerangan Pas, Datuk Dr Haron Din disebut-sebut akan diletakkan di situ bagi menentang calon Umno, Datuk Abdul Rahman Ariffin, yang juga Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kedah.

Ahli Parlimen Baling, Taib Azamuddin M Taib, yang dijangka mempertahankan kerusi itu pula dikatakan akan ditentang Ketua Pemuda Umno Negeri, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir. Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Nakhaie Ahmad, juga disebut-sebut dicalonkan di situ.

Pertembungan 'anak tempatan dan orang luar' pula dijangka berlaku di Jerai membabitkan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, yang memenangi kerusi itu pada 1999 dan muka baru, Pengarah Urusan Bina Darulaman Berhad, Datuk Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail.

Ahli Jawatankuasa Pusat Pas, Mahfuz Omar, yang dijangka mempertahankan kawasan Pokok Sena pula dikatakan bakal berdepan bekas Adun Tanjung Seri yang juga Timbalan Ketua Umno bahagian, Datuk Abdul Rahman Ibrahim.

Perhatian juga akan bertumpu kepada kawasan Kuala Kedah yang kini disandang Ahli Jawatankuasa Pusat Pas, Mohamad Sabu, yang disebut-sebut akan ditentang oleh Setiausaha Umno bahagian itu, Hashim Yahya.

Bagi DUN pula, perhatian sudah tentu akan berpusat kepada Kubang Rotan yang kini diwakili Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang bakal ditentang Naib Presiden Keadilan, Saifuddin Nasution Ismail.

Di PERLIS, antara kerusi yang dijangka panas adalah DUN Tambun Tulang apabila Dr Harun Din dikatakan akan bertanding menentang Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Bagaimanapun, kerusi sebenar akan ditandingi Harun masih menjadi teka-teki apabila beliau turut dikatakan akan bertanding di Kayang.

Harun juga dijangka bertanding kerusi Parlimen Arau, yang kini disandang Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Mastika Junaidah.

Di KELANTAN, antara kerusi yang menjadi tumpuan adalah Parlimen Jeli

antara penyandang dari Pas Mohd Apandi Mohamad dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed.

Kawasan Parlimen Bachok juga menarik perhatian kerana Ketua Penaja Umno bahagian Bachok, Datuk Dr Awang Adek Hussin dijangka dicalonkan di situ.